

# Bank perlu awasi sistem komputer

B.H. 27 AUG 1992

Oleh Mohamed Said

KUALA LUMPUR, Rabu — Institusi kewangan perlu mengawasi penggunaan teknologi dalam sistem urusan mereka kerana di samping meningkatkan kecekapan, ia berpotensi disalahgunakan untuk tujuan penipuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perkembangan teknologi yang menjadi penggerak pementasan dan peningkatan produktiviti perlu diseimbangkan dengan prosedur yang ketat bagi mengawal penyalahgunaannya dalam sistem bank, tanpa memberi kesan negatif terhadap kecekapan perkhidmatan.

"Walaupun perkembangan teknologi berjaya meningkatkan automasi, perkomputeran dan pemindahan dana secara elektronik, institusi kewangan perlu mengawasi arah alirannya kerana ia berpotensi disalahgunakan untuk tujuan penipuan sistem bank tempatan," katanya berucap di majlis makan malam institusi kewangan di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, sebanyak 193 kes penipuan membabitkan \$600 juta dilaporkan oleh institusi kewangan tempatan sepanjang tahun lalu, berbanding 778 kes dengan \$30 juta pada 1990, tidak termasuk 14,006 kes penipuan kad kredit membatik \$17 juta. Bagaimanapun, kerugian sebenar bernilai \$25 juta ataupun kurang daripada lima per-

ratus daripada \$600 juta jumlah nilai penipuan sepanjang 1991.

Beliau berkata, industri bank tempatan berjaya mengenal pasti kes penipuan berkenaan dan mengurangkan tanggungan kerugian.

Bagaimanapun, katanya, institusi kewangan tidak sepatutnya berpuas hati kerana kecuaiannya akan menggalakkan mereka yang berniat menipu untuk menguji sistem kawalan yang diperkenalkan.

Katanya, keyakinan orang ramai terhadap sistem bank akan terjejas jika mereka mula mempersoalkan keselamatan urusniaga bank. Sehubungan itu, ia perlu dipupuk supaya sistem pembayaran negara akan lebih selamat.

Mahathir berkata, kerajaan kini sedang mengkaji melaksanakan hukuman lebih berat terhadap jenayah kolar putih, bagi mengawal perkembangannya pada masa depan.

Bagaimanapun, menurut beliau, undang-undang saja tidak cukup untuk mengawal "penyakit masyarakat itu" tetapi pendidikan etika dan moral dalam sistem nilai orang ramai adalah kaedah terbaik serta paling berkesan.

Sehubungan itu, Mahathir berkata, kawalan awal yang perlu dilakukan ialah ketika mengambil kakitangan baru dengan tumpuan terhadap

sikap individu terutama dengan mengenal pasti ia yang bertentangan dengan etika dan moral.

Pihak pengurusan institusi kewangan juga harus menitikberatkan tekanan yang mempengaruhi prestasi dan perilaku kakitangannya, selaras memupuk budaya korporat yang mengutamakan amanah, katanya.

Beliau berkata, sebagai pemegang amanah dana awam, institusi kewangan perlu juga memperhatikan kewibawaan dan disiplin yang tinggi dalam pengurusan hariannya, selaras tanggungjawabnya mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem bank tempatan. Pengurusan tidak digalakkan berkompromi dengan kegagalan kakitangannya memenuhi disiplin yang ditetapkan itu.

Katanya, dengan berada dalam fasa pembangunan ekonomi yang kritikal ke arah menuju Wawasan 2020, institusi bank Malaysia perlu lebih menyokong usaha usahawan tempatan yang mempunyai visi serta dinamik, dalam membiayai projek yang mereka terokai tanpa ataupun dengan cagaran yang kecil.

Berikutan itu, industri bank tempatan perlu meneroka bidang melebihi kaedah pembiayaan tradisional termasuk pembiayaan terokaan modal, tanpa mengutamakan jaminan dan cagaran.